

SEJARAH PERKEMBANGAN MUALAF DI SABAH : PERANAN DAN SUMBANGAN USIA (UNITED SABAH ISLAMIC ASSOCIATION)

Oleh:

*Suraya Sintang**

Abstract

The involvement of USIA in the Islamic movement is considered as a vital historical event inseparable from the whole process of Islamic development in Sabah. As the pioneer of the dakwah institution in Sabah, USIA organised the Islamization programme with the focus on the activity of multitude conversion among the target groups of Sabah's natives whom live in the interior areas. These areas were the main residence of animist people who had not yet adhered to either Islam or Christianity. The mission of multitude conversion launched in 1970s was conducted for a few reasons. Among the factors contributed to the mission were the disapproval of recognizing Islam as an official religion in Sabah, the competitiveness between the numbers of new Muslim converts and Christian adherents from among the Sabah's natives, the dilemma of practicing Islamic creeds and syariah law and the challenge from the Christian missionary. Therefore, this paper initiates to look back at the history of multitude conversion and discuss the latest development of converters. The discussion

*Suraya Sintang, M.A., adalah Pensyarah di Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

will be focused on the contribution of USIA in conducting such Islamic programme. The contributions could be stated such as the formation of The Sabah Islamic Council (MAIS) which brought to the approval of recognizing Islam as an official religion in Sabah. Moreover, the contribution of USIA also led to the emergence of new Muslim converts and their villages, the construction of new religious schools and worship places and also the birth of literate-religious people among the Sabah's natives.

Pendahuluan

Sejarah penyebaran agama di Sabah menarik untuk diketengahkan kerana persaingan yang wujud antara gerakan Islam dan Kristian. Penyebaran Islam di kalangan penduduk tempatan yang tinggal di kawasan pantai timur dan pantai barat Sabah telah bermula pada abad ke-16 apabila kedua-dua Kesultanan Sulu dan Brunei menguasai Sabah. Namun kekuasaan kesultanan ini tidak dapat menembusi kawasan pedalaman seperti Ranau, Keningau, Tambunan, Kiulu dan seumpamanya. Kesannya, Islam hanya mula diterima menjelang pertengahan abad ke-20 oleh kelompok pribumi Sabah yang tinggal di kawasan pedalaman.¹ Persaingan agama bermula dengan kedatangan penjajah Barat pada abad ke-19, kerana kedatangan mereka bukan sahaja bermotifkan ekonomi, malah turut memperkenalkan nilai-nilai Barat dan menyebarkan agama Kristian. Kedudukan Kristian semakin kukuh semasa Sabah ditadbir oleh Syarikat British North Borneo Chartered Company bermula pada tahun 1881 sehingga tahun 1946 dan situasi ini berlanjutan beberapa tahun selepas Sabah mencapai kemerdekaan.²

¹ Muhiddin Yusin (1990), *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 6.

² *Ibid.*, h. 12.

Kehadiran penjajah tidak menjejaskan perkembangan Islam khususnya dalam kegiatan menyebarkan agama Islam di kalangan orang bukan Islam. Kegiatan pengislaman diperkenalkan sebagai satu strategi untuk memartabatkan semula kedudukan Islam di Sabah setelah merdeka melalui Malaysia. Kegiatan ini diperhebatkan lagi pada tahun 1970an apabila USIA (*United Sabah Islamic Association*) ataupun Pertubuhan Islam Seluruh Sabah menjalankan gerakan pengislaman secara besar-besaran yang bukan sahaja memberi kesan terhadap peningkatan penganut Islam di Sabah, malah usaha ini telah menjadikan Islam diiktiraf sebagai agama rasmi di Sabah. Penglibatan USIA dalam kegiatan pengislaman boleh disifatkan sebagai satu peristiwa sejarah yang penting dan tidak mungkin dipisahkan dari keseluruhan proses perkembangan sejarah Islam di negeri Sabah. Justeru kertas kerja ini akan membincangkan secara lanjut tentang latar sejarah pengislaman orang bukan Islam sehingga membawa kepada perkembangan mualaf masakini. Perbincangan difokuskan kepada peranan yang dimainkan oleh USIA yang memberi sumbangan besar terhadap perkembangan awal Islam di Sabah.

Pengertian Mualaf Dari Pespektif Islam

Umumnya seseorang yang memeluk agama Islam boleh difahami sebagai menukar agama asalnya kepada agama Islam dengan mengucap dua kalimah syahadah di hadapan dua orang saksi yang boleh diterima kesaksiannya.³ Walau bagaimanapun, dari segi undang-undang seseorang saudara baru tersebut perlu mematuhi syarat-syarat

³Menyentuh tentang pengakuan dua kalimah syahadah, sesiapa yang tidak berupaya untuk mengucapkannya disebabkan bisu dan seumpamanya, dibolehkan menggunakan cara isyarat yang menunjukkan makna tersebut sebagai memenuhi kehendak hukum syara' dan undang-undang dipetik dari Zuliza Md. Kusrin (2001), Pendaftaran Memeluk Agama Islam di Malaysia, *Jurnal Pengajian Islam*, Vol. 22, Bangi: Penerbit UKM, h. 17.

tertentu demi menjamin kepentingan pendaftaran pengislamannya mengikut perundangan Malaysia.⁴ Di kalangan masyarakat Islam, kalimah “Mualaf” sinonim dengan mereka yang baru memeluk Islam. Dalam sesetengah kes, mereka yang memeluk Islam dan bukan berketurunan Melayu walaupun sudah beberapa tahun beragama Islam juga disebut sebagai mualaf oleh orang Melayu. Ini mungkin kerana “*Melayu itu Islam dan Islam itu adalah Melayu*” yang telah mendarah daging dalam diri orang Melayu menyebabkan bangsa lain yang bukan berasal dari bangsa Melayu dan beragama Islam tetap digelar sebagai mualaf oleh mereka.⁵

Pengertian mualaf dari perspektif Islam dapat dijelaskan dari sudut bahasa dan istilah. Dari sudut bahasa, perkataan ‘*mualaf*’ adalah ambilan dari perkataan bahasa Arab ‘*mu'allaf*’ iaitu pecahan (*isytiqaq*) daripada ‘*allafah, yu'allifu, ta'lifan*’ yang bermaksud ‘yang diikat, yang dijinak atau yang disatukan’. Sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud:

“...dan yang mempersatukan hati mereka (orang-orang yang beriman). Walaupun kamu membelanjakan semua (kekayaan) yang berada di bumi, nescaya kamu tidak dapat mempersatukan hati mereka, akan tetapi Allah telah mempersatukan hati mereka. Sesungguhnya dia maha perkasa lagi maha bijaksana “.

(Surah Al-Anfal: Ayat 63)

Menurut Abdullah Yusuf Ali,⁶ mualaf adalah orang yang baru memeluk agama Islam. Beliau menggunakan istilah ‘baru menyesuaikan

⁴ *Ibid*, h. 14.

⁵ Mohamad Zamri Ali (2004), *Peranan JHEAINS Dalam Pentarbiyahan Mualaf di Sabah : Kajian Kes Kota Kinabalu*, (Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 11.

⁶ Abdullah Yusuf Ali (1973), *The Meaning of the Holy Quran*, Maryland: Amana Corporation. h. 456.

dengan satu kebenaran' untuk merujuk kepada mu'alaf. Namun begitu, di Malaysia dan beberapa negara Asia Tenggara yang lain, orang Melayu menggelar mereka sebagai 'saudara kita' dan 'saudara baru'. Istilah ini digunakan untuk menandakan seseorang itu baru memeluk agama Islam dimana dengan cara ini, gelaran tersebut dapat menggalakkan saudara Islam yang lain untuk meningkatkan tali persaudaraan dan kasih sayang kepada mereka.⁷ Pengertian Islam mu'alaf diperincikan oleh Ibn Abbas yang menyatakan bahawa mereka adalah kaum yang dimuliakan dan diberikan saham oleh Rasulullah s.a.w. pada hari Hunain⁸ yang kesemuanya berjumlah seramai 15 orang. Antaranya ialah Abu Sufyan, al-Aqra' ibn Habis, 'Uyainah ibn Husni, Huwaitab ibn Abdul 'Izza, Sahl ibn Umar, al-Harith ibn Hisyam, Suhail ibn Umar al-Juhni, Abu al-Sanabil, Hakim ibn Hazam, Malik ibn 'Auf, Safwan ibn Umayyah, Abdul Rahman ibn Yaru', al-Jadd ibn al-Qais, Umar ibn Mardas dan al-ala' ibn al-Harith. Nabi telah memberikan setiap mereka 100 unta kecuali Abdul Rahman ibn Yaru' yang diberikan 50 unta dan Hakim ibn Hazam 70 ekor unta.⁹

Di kalangan ahli psikologi agama, mu'alaf adalah kelompok yang terlibat dalam proses konversi agama iaitu individu yang mengalami proses perpindahan, penukaran atau perubahan. Perpindahan yang dimaksudkan di sini adalah perpindahan dalaman yang bersifat spiritual

⁷ Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Osman Abdullah@Chuah Hock Leng (2003), *The Problem of Mu'allaf in Malaysia*, *Jurnal Islamiyyat*, Vol. 24, Bangi: Penerbit UKM, h. 67.

⁸ Hunain ialah suatu tempat yang terletak di antara Mekah dan Taif. Perang Hunain ialah suatu peperangan yang berlaku selepas pembukaan kota Mekah di antara orang-orang Islam dengan kabilah Hawazin dan kabilah Saqif yang tinggal di Taif. Kabilah ini membuat pakatan untuk menghancurkan orang-orang Islam, lantas berkubu di suatu tempat yang bernama Hunain untuk membuat serangan mengejut ke atas orang Islam dipetik dari Dusuki Hj. Ahmad (1988), *Kamus Pengetahuan Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 109.

⁹ Wahbah al-Zuhaili, (1999), *Fiqh dan Perundangan Islam* (terj) Mohd. Akhir Hj. Yaakob, et.al, Jil. II. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 954-956.

yang melibatkan keyakinan dan kepercayaan yang kemudiannya dimanifestasikan dalam bentuk tingkah laku. Dengan itu, individu yang mengalami proses konversi agama adalah individu yang berpindah daripada keadaan kepercayaan kepada keadaan kepercayaan yang lain atau dari satu *world view* ke *world view* yang lain akibat dari keruntuhan kepercayaan atau *world view* yang sedia ada serta wujudnya satu alternatif lain yang dianggap lebih menarik dan lebih istimewa.¹⁰

Berdasarkan pengertian *uruf* di negeri Sabah, Islam mualaf ini sering dikaitkan dengan kelompok etnik Kadazandusun kerana mereka adalah etnik majoriti yang terlibat dalam peristiwa pengislaman beramai-ramai pada tahun 1970an dahulu. Selain daripada etnik Kadazandusun, pelbagai kelompok etnik pribumi Sabah yang lain dan warga asing yang telah mendapat kerakyatan Malaysia turut membentuk kelompok saudara baru di Sabah. Suku kaum tersebut terdiri daripada Murut, Sungai, Cina, India, Iban, Filipina, Indonesia dan bangsa-bangsa lain.

Latar Belakang Masyarakat dan Agama di Sabah

Keunikan golongan mualaf di Sabah jika dibandingkan dengan mualaf di Semenanjung Malaysia adalah kerana di Sabah, golongan mualaf bukan sahaja dari kalangan orang bukan bumiputera yang terdiri dari bangsa Cina dan India, tetapi lebih didominasi oleh kelompok bumiputera Sabah yang terdiri dari pelbagai etnik pribumi seperti Kadazandusun, Murut, Rungus di samping warga asing yang berhijrah ke Sabah seperti warga Filipina, Indonesia dan beberapa negara lain. Kelompok etnik Sabah terdiri daripada 29 kumpulan etnik Bumiputera, 12 kumpulan etnik Bukan Bumiputera termasuk 6 kumpulan etnik dari

¹⁰ Asin Dolah (1993), "Konversi Agama : Pengertian dan Bentuknya", dalam Mohammed Yusoff Hussain (pynt.), *Isu-Isu Dalam Usuluddin dan Falsafah*, Bangi: Penerbit UKM, hh. 216-217.

kalangan masyarakat Cina dan selebihnya adalah dari keturunan Pakistan, India, Eropah dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengkaji menggolongkan kumpulan etnik ini kepada 3 kumpulan besar iaitu Bumiputera Melayu Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Cina. Kumpulan etnik Bumiputera Islam terdiri dari pelbagai kaum dan keturunan iaitu Melayu, Brunei, Suluk, Bugis, Bisaya, Bajau, Idahan, Tidong, Sungei, Iranun, Kadayan dan Kokos. Manakala kumpulan Bumiputera Bukan Islam terdiri daripada Kadazandusun, Murut, Lotud, Kwijau, Rungus, Paitan, Minokok, Rumunau, Mangka'ak dan beberapa kelompok etnik lain. Sementara kumpulan Cina pula terbahagi kepada beberapa kelompok mengikut dialek bahasa masing-masing.¹¹

Di samping itu, perkembangan agama di Sabah merupakan satu fenomena yang menarik untuk diketengahkan kerana Sabah merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang menjalankan pengislaman beramai-ramai terhadap pelbagai kelompok etnik. Walaupun pengislaman beramai-ramai ini pernah dijalankan di Selangor yang melibatkan bangsa Cina, namun fenomena yang berlaku di Sabah tidak hanya melibatkan satu kaum sahaja tetapi turut membabitkan penduduk pribumi Sabah khususnya dari kalangan mereka yang masih pagan atau tidak mempunyai sebarang agama.

Jadual 1 menunjukkan taburan penduduk Sabah mengikut kumpulan etnik dan agama. Jumlah keseluruhan penduduk Sabah berdasarkan banci penduduk tahun 2000 ialah 2,603,485 orang dimana penganut Islam menunjukkan bilangan penganut terbesar iaitu 1,658,285 orang, diikuti dengan Kristian 724,833 orang, Hindu 2,836 orang, Buddha 166,298 orang, Konfusius/Tao dan Agama tradisi lain orang Cina 10,634 orang, Agama suku kaum (*folk religion*) 396 orang, lain-lain 7,559 orang, tidak ada agama 26,598 orang dan tidak diketahui 6,046 orang. Berdasarkan perangkaan tersebut, masih terdapat di kalangan

¹¹ Ismail Yusoff (1997), *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi: Penerbit UKM, h. 26.

masyarakat Sabah yang tidak mempunyai agama. Maka, kesempatan ini pada kelazimannya digunakan oleh gerakan dakwah Islam untuk menyebarkan agama Islam kepada kumpulan sasar ini, sebagai memenuhi tuntutan agama Islam yang menghendaki setiap penganutnya memperkenalkan Islam (berdakwah) kepada masyarakat bukan Islam sehingga mereka menjadikannya agama anutannya atau penganut Islam sendiri sehingga menghayati tuntutan Islam dalam segala bidang kehidupan hariannya.

Jadual 1
Jumlah Penduduk Sabah Mengikut Agama Dan Etnik Tahun 2000

Agama	Warganegara Malaysia							Bukan Warga Negara Malaysia	Jumlah
	Bumiputera						Lain-lain		
						Cina			
	Melayu	Kadazandusun	Bajau	Murut	Bumiputera lain				
Islam	303,497	100,968	342,421	11,698	273,092	8,589	107,782	510,238	1,658,285
Kristian	0	359,210	383	70,054	100,776	81,475	14,301	98,634	724,833
Hindu	0	67	1	10	48	323	2,075	312	2,836
Buddha	0	2,945	42	268	6,716	154,119	448	1,760	166,298
Confucius/Tao/ agama tradisi lain orang Cina	0	566	0	27	491	9,409	13	128	10,634
Agama suku kaum	0	130	0	11	69	150	3	33	396
Lain-lain	0	2,585	5	1,324	1,882	1,120	421	222	7,559
Tiada agama	0	11,846	244	1,247	6,039	6,163	63	996	26,598
Tidak diketahui	0	1,627	82	40	945	767	84	2,501	6,046
Jumlah Keseluran Penduduk Sabah									2,603,485

Sumber : Buku Perangkaan Malaysia (2003), Jabatan Perangkaan Malaysia

Peranan USIA dalam Sejarah Pengislaman Mualaf di Sabah

Pengislaman non-Muslim di Sabah khususnya dari kalangan mereka yang tidak mempunyai pegangan agama, rancak dijalankan pada awal tahun 1970an. Kegiatan ini telah dijalankan oleh USIA sebagai sebuah badan dakwah yang pertama ditubuhkan di Sabah pada 16 Ogos 1969. Penubuhan USIA merupakan kemuncak bagi cita-cita dan usaha pemimpin persatuan Islam serta orang perseorangan di Sabah untuk menyatukan umat Islam dan memperjuangkan kedudukan agama mereka di negeri itu. Kemunculan pertubuhan itu menandakan permulaan era baru dalam perjuangan orang Islam di Sabah.¹² YAB. Tun Datu Mustapha selaku presiden USIA¹³ dalam ucapannya di upacara pembukaan menyifatkan kongres penubuhan USIA sebagai hari yang bersejarah di negeri Sabah kerana bukan sahaja buat pertama kali pemimpin Islam dari seluruh Sabah dapat berhimpun tetapi turut menandakan bermulanya kegiatan dakwah secara besar-besaran di negeri itu.¹⁴

Suasana perkembangan pengaruh agama Kristian sejak zaman penjajah hingga tahun 1960an memaksa USIA menjalankan kegiatan pengislaman mengikut cara dan kemampuan sendiri. Bagi USIA, kedudukan dan survival agama Islam di Sabah hanya dapat dijamin dengan cara menjadikan agama itu sebagai agama rasmi negeri melalui pindaan Perlembagaan Negeri Sabah. Meminda Perlembagaan Negeri untuk tujuan itu merupakan satu masalah pada masa itu. Ini disebabkan ia memerlukan sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk negeri Sabah yang beragama Islam disamping memerlukan sokongan dua pertiga daripada Ahli Dewan Undangan Negeri. Sedangkan penganut agama Islam di Sabah pada tahun 1960an adalah kurang daripada 40 peratus

¹² Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, h. 31.

¹³ Tun Datu Mustapha ketika itu adalah Ketua Menteri Sabah dan presiden parti USNO yang telah menang dalam pilihanraya 1967 dipetik dari Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, h. 89.

¹⁴ *Ibid*, hh 37-38.

dan Ahli Dewan yang beragama Islam pula tidak mencukupi majoriti dua pertiga. Untuk mencapai matlamat itu, USIA terpaksa menumpukan kegiatan pengislaman di kalangan orang bukan Islam atau dakwah keluar sama ada di peringkat rakyat umum atau pegawai kerajaan dan pemimpin politik terutama di kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri.¹⁵

Pendekatan kegiatan pengislaman yang dilancarkan oleh USIA ataupun dikenali sebagai 'dakwah keluar' adalah satu bentuk pendekatan yang melibatkan penyebaran Islam kepada komuniti luar yang bukan dari kalangan penganut agama Islam. Pelancaran dakwah keluar melalui kegiatan pengislaman beramai-ramai ini kebanyakannya melibatkan kaum Kadazandusun. Ini kerana kaum Kadazandusun bukan sahaja komuniti terbesar pribumi Sabah, iaitu lebih kurang 34% daripada jumlah penduduk Sabah keseluruhannya bahkan juga merupakan kaum yang paling ramai tidak mempunyai agama (pagan).¹⁶ Di samping itu, kelompok etnik pribumi Sabah lain yang terlibat dalam kegiatan pengislaman ini termasuklah Murut, Rungus dan beberapa kelompok etnik lain yang masih pagan. Program pengislaman beramai-ramai ini merupakan satu gerakan dakwah yang dirancang secara sistematik kerana sokongan padu dari kalangan pemimpin Sabah yang memberi banyak bantuan material dan sokongan moral.

Kegiatan pengislaman mula menandakan sambutan positif apabila majlis pengislaman yang pertama diadakan di rumah kediaman Tun Datu Mustapha di Tanjung Aru, Kota Kinabalu sebaik sahaja USIA ditubuhkan. Pemeluk Islam dalam majlis itu terdiri dari beberapa orang saudagar Cina termasuk keluarga Tan Soe Tei atau nama Islamnya Mohd. Ali.¹⁷ Sementara majlis pengislaman yang kedua melibatkan 16

¹⁵ *Ibid*, h. 89 dan Dg. Rafeah Md. Ali (1996), *Politik Tun Mustapha Dalam Islamisasi Penduduk Non-Muslim di Sabah tahun 1970-1976*, (Disertasi Sarjana, Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Bandung), h. 89.

¹⁶ Laporan Penduduk Negeri Sabah (1991), Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia.

¹⁷ Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, h. 66.

orang dari Kampung Penampak, Pitas yang dijalankan seminggu selepas majlis pengislaman yang pertama. Majlis pengislaman yang ketiga diadakan sekali lagi di rumah kediaman Tun Mustapha pada 16 September 1969. Majlis itu melibatkan 11 orang jutawan Cina dan salah seorang daripada mereka ialah Tan Teck Bak atau nama Islamnya Abu Bakar.¹⁸ Bertitik-tolak dari beberapa majlis pengislaman yang diadakan ini, pemimpin USIA mengandaikan tentunya ramai lagi masyarakat bukan Islam yang mungkin berminat dengan agama Islam tetapi tidak mendapat pendedahan terhadap ajaran agama Islam.

Maka USIA mengambil inisiatif untuk melancarkan gerakan pengislaman secara besar-besaran kepada orang bukan Islam di seluruh negeri Sabah. Sasarannya bukan sahaja terhad kepada masyarakat umum, tetapi juga pemimpin dan pegawai kerajaan termasuk menteri-menteri dan wakil rakyat. Gerakan itu dijalankan secara berkelompok dan orang perseorangan oleh pendakwah yang dipertanggungjawabkan memberi penerangan tentang agama Islam kepada kumpulan sasar. Tenaga pendakwah kebanyakannya terdiri daripada orang tempatan yang terbahagi kepada dua golongan. Golongan pertama, ialah pegawai gerakan yang digaji oleh USIA termasuk pegawai penerangan dan mubaligh USIA serta orang perseorangan yang dilantik untuk menyertai gerakan itu. Pegawai tersebut bertanggungjawab memberi penerangan tentang Islam kepada orang bukan Islam dengan tujuan untuk menarik mereka memeluk agama Islam. Golongan kedua, terdiri dari orang perseorangan yang bertugas secara sukarela untuk menjalankan tugas yang sama seperti tugas-tugas yang dijalankan oleh golongan pertama.¹⁹

Gerakan pengislaman kepada orang bukan Islam ini dijalankan di setiap daerah dengan membentuk tujuh hingga lapan kumpulan dimana dalam setiap kumpulan dianggotai oleh 25-30 orang yang terdiri dari kalangan orang tempatan. Mereka ditugaskan sebagai pendakwah yang berperanan untuk menjelaskan ajaran agama Islam. Program

¹⁸ *Ibid*, h. 67.

¹⁹ *Ibid*, h. 62.

pengislaman ke setiap daerah di Sabah melibatkan lima peringkat. Peringkat pertama, keberangkatan awal para mubaligh yang bertujuan untuk membuat tinjauan awal terhadap beberapa buah kampung yang dipercayai penghuninya masih tidak mempunyai sebarang agama. Peringkat kedua, dijalankan dalam jangkamasa dua hingga tiga hari selepas keberangkatan pertama dimana mubaligh tersebut akan kembali semula ke kampung berkenaan dan membuat kunjungan dari rumah ke rumah untuk berbual dan bertanya khabar keadaan keluarga itu. Peringkat ketiga, kunjungan di kampung yang sama dan membantu orang kampung sama ada mengadakan gotong-royong, mengagihkan keperluan makanan, pakaian, benih tanaman, ubat-ubatan dan segala bentuk keperluan lain yang mereka kehendaki. Peringkat keempat, para mubaligh membuat kunjungan semula ke kampung berkenaan dengan tujuan untuk memperkenalkan agama Islam kepada mereka yang berminat. Peringkat terakhir, para mubaligh bersemuka dengan orang kampung dan bertanyakan pendapat mereka tentang agama Islam. Adalah dipercayai sekiranya 20 rumah yang diajak untuk memeluk agama Islam, 15 rumah akan memeluk Islam dan biasanya mereka ini akan terus diislamkan di rumah mereka.²⁰

Pada umumnya, gerakan yang dijalankan memakan masa selama tiga hingga empat bulan dan kadangkala lebih daripada satu gerakan dijalankan serentak dalam kawasan yang berlainan. Gerakan itu dijalankan dengan aktif di seluruh negeri khususnya di kawasan yang ramai penduduk bukan beragama Islam. Hasil dari gerakan pengislaman yang dijalankan, USIA dapat menarik ramai orang bukan Islam memeluk agama Islam. Pada tahun 1971, dianggarkan pemeluk agama Islam meningkat kepada 30,000 orang dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang beragama Islam turut meningkat kepada dua pertiga daripada Ahli Dewan keseluruhannya.²¹ Antara Ahli Dewan

²⁰ Temubual dengan Tn. Haji Ag. Sahari selaku pengerusi USIA pada 12/12/2003 di pejabat beliau di Bangunan USIA, Jalan Sembulan, Kota Kinabalu.

²¹ Muhiddin Yusin, *op.cit.*, h. 64.

Undangan Negeri yang memeluk agama Islam ketika itu ialah YB Idrus Matakim, bekas Setiausaha Agung USNO dan YB. Datuk Ariff Hj. Salleh, Keningau.²²

Kegiatan pengislaman secara beramai-ramai semakin rancak dijalankan dari tahun 1971 hingga tahun 1975. Salah satu daripada gerakan itu telah diadakan di daerah Kota Marudu dari bulan Februari hingga bulan Jun 1973. Gerakan itu melibatkan seramai 50 orang pegawai gerakan dari beberapa daerah di seluruh Sabah. Sebelum gerakan itu dimulakan, pegawai gerakan yang terlibat telah diberi kursus singkat selama dua hari. Para pegawai yang menyertai kegiatan itu kemudiannya dibahagikan kepada tujuh kumpulan dan setiap kumpulan terdiri daripada lima hingga enam orang termasuk seorang ketua kumpulan dan seorang pembantu. Pegawai gerakan dalam setiap kumpulan ditugaskan untuk memberi penerangan tentang Islam kepada penduduk bukan Islam dalam 20 hingga 30 buah kampung dan berusaha menarik mereka memeluk agama Islam. Gerakan itu diakhiri dengan satu majlis pengislaman beramai-ramai yang melibatkan seramai 4,097 orang pada Jun 1973.²³

Gerakan pengislaman lain yang telah dijalankan di beberapa kawasan pedalaman termasuk daerah Kota Belud, Tuaran, Ranau, Keningau dan Tambunan. Sebagaimana gerakan di Kota Marudu, gerakan di kawasan itu juga diakhiri dengan majlis pengislaman beramai-ramai. Majlis pengislaman beramai-ramai bermaksud satu majlis rasmi yang dihadiri oleh kelompok mualaf iaitu orang bukan Islam yang telah memeluk Islam tetapi diminta untuk melafazkan semula dua kalimah syahadah sebagai satu bukti kesaksian penerimaan mereka terhadap agama Islam dan lazimnya majlis ini dihadiri kira-kira 500 hingga 1,000 orang mualaf. Setakat yang dapat disahkan melalui

²² Mariam Hj. Sahat (1987), *USIA: Struktur dan Organisasi*, (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya), h. 60.

²³ Laporan Penyata tahunan USIA, 1973/1974, h. 26.

beberapa sumber dari tahun 1971 hingga 1975, USIA telah mengadakan sebanyak 12 majlis pengislaman. Dua darinya diadakan pada 6 September 1972 dan 28 Februari 1973. Dalam majlis yang kedua seramai lebih kurang 1,500 orang dari daerah Penampang dan Tuaran telah memeluk Islam.²⁴ Upacara pengislaman lain turut diadakan di beberapa kawasan seperti di Padang Pekan Tambunan yang melibatkan seramai 2,000 orang memeluk Islam pada 20 April 1972, di Padang Pekan Ranau sejumlah 1,000 orang pada 23 Jun 1972 dan di Penampang seramai 1,000 orang dan di Sugut (Sandakan) seramai 6,000 orang.²⁵

Pada keseluruhannya, gerakan pengislaman yang dilancarkan oleh USIA sejak ditubuhkan hingga tahun 1976 telah berjaya mengislamkan seramai lebih daripada 50,000 orang dewasa lelaki dan perempuan tidak termasuk kanak-kanak. Sekiranya dijumlahkan dengan kanak-kanak bilangannya hampir 100,000 orang.²⁶ Kebanyakan saudara baru yang terlibat dalam program pengislaman tersebut adalah dari kalangan etnik Kadazandusun, Murut, Rungus, Sungai dan sebagainya. Kesannya, peratus bilangan penduduk Islam di Sabah telah meningkat daripada 38% menjadi 52%. Kejayaan ini bukan sahaja membolehkan Majlis Agama Islam Sabah ditubuhkan pada tahun 1971, malah turut mengiktiraf agama Islam sebagai agama rasmi negeri Sabah melalui Enakmen Perlembagaan (Pindaan) 1973 dengan menambah Perkara 5(A).²⁷

Kemampuan USIA mengislamkan sejumlah penganut bukan Islam dalam tempoh yang singkat iaitu kira-kira enam tahun merupakan satu

²⁴ Muhiddin Yusin, *op.cit.*, h. 65.

²⁵ Laporan Penyata Tahunan 1970/1971, h. 20 dan Laporan Penyata Tahunan 1971/1972, h. 37.

²⁶ Haji Ag. Sahari Bin Abdul Latif, (t.t), "Peranan USIA Dalam Membina Kepentingan Agama Islam Di Sabah" (Kertas kerja Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), Kota Kinabalu), h. 2.

²⁷ Ahmad Ibrahim, et al. (1999), *Perkembangan Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 11.

kejayaan yang mengagumkan. Kemunculan USIA sebagai satu-satunya badan dakwah di Sabah ketika itu, berjaya mengubah 'Peta Sabah' daripada 'Islam Minoriti' kepada 'Islam Majoriti' dimana agama Islam bukan sahaja menjadi anutan masyarakat 'Islam Asal' yang tinggal di kawasan pantai timur dan pantai barat Sabah tetapi Islam telah dapat diperkenalkan kepada kelompok etnik pribumi Sabah yang tinggal di kawasan pedalaman.

Faktor Pengislaman Beramai-ramai di Sabah

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, gerakan pengislaman beramai-ramai yang dijalankan oleh USIA merupakan satu strategi dakwah untuk mengukuhkan kedudukan Islam di Sabah. Secara umumnya, strategi dakwah tersebut dijadikan alternatif utama untuk meningkatkan bilangan penduduk Islam. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan USIA menjalankan gerakan pengislaman beramai-ramai di Sabah pada awal tahun 1970an. Antara faktor tersebut ialah :

i. Penolakan Islam sebagai agama rasmi di Sabah

Sebelum Sabah menyertai pembentukan Malaysia pada tahun 1963, isu agama Islam telah dibincangkan di dalam Laporan Suruhanjaya Cobbold. Pengerusinya iaitu Lord Cobbold dan ahli-ahlinya dari Britain telah mengesyorkan agar kebebasan beragama terjamin dan peruntukan tentang agama Islam sebagai agama rasmi tidak dilanjutkan di Negeri-Negeri Borneo kecuali diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri yang dipilih. Satu lagi laporan ketika pembentukan Malaysia ialah Laporan Jawatan kuasa Antara Kerajaan 1963 yang menerima peruntukan yang sedia ada di dalam Perlembagaan Persekutuan seperti Islam adalah agama Persekutuan dan kebebasan beragama bagi setiap orang di Malaysia. Bagaimanapun hak yang berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam seperti perkahwinan, penceraian, harta pusaka dan

sebagainya masih di bawah kuasa negeri sepertimana di dalam Jadual Kesembilan Senarai Dua Senarai Negeri.²⁸

Ringkasnya, penolakan Islam sebagai agama rasmi di Sabah yang merdeka melalui Malaysia merupakan satu kerugian dalam konteks perkembangan Islam di Sabah. Dengan penolakan ini, Islam kehilangan hak-hak istimewa dari segi politik dan juga bantuan kewangan dari kerajaan negeri sebagaimana yang berlaku di negeri-negeri di Semenanjung. Dalam konteks perkembangan Islam di Sabah, hak-hak itu sangat diperlukan kerana tanpanya, orang Islam yang masih ketinggalan dalam pelbagai bidang khususnya bidang pendidikan dan ekonomi tidak dapat meningkatkan kegiatan Islam di negeri itu. Kegagalan untuk meningkatkan kegiatan Islam bererti peluang terbuka untuk pengaruh Kristian berkembang luas di Sabah. Ini kerana agama Kristian mempunyai kemudahan, kelengkapan termasuk tenaga mubaligh yang terlatih dan pengangkutan kapal terbang yang membolehkan agama Kristian disebarkan di kawasan pedalaman yang belum disediakan kemudahan jalan raya. Atas faktor tersebut, USIA menjadikan gerakan pengislaman beramai-ramai sebagai platform utama agar Islam diterima sebagai agama rasmi di Sabah sama seperti pengiktirafan Islam sebagai agama rasmi di Malaysia.

ii. Persaingan peningkatan antara bilangan penganut Islam dengan penganut Kristian dari kalangan etnik pribumi Sabah

Pada tahun 1880an, penduduk pribumi Sabah yang bukan beragama Islam berjumlah 50 peratus, manakala penduduk Islam hanya berjumlah 35 peratus; selebihnya iaitu Cina, Jawa dan penduduk lain adalah imigran yang berhijrah ke Sabah sejak pertengahan abad ke-19. Pada tahun 1911, penduduk pribumi Sabah yang menganut agama Kristian

²⁸ Jasri Jamal (2003), "Islam dalam Perlembagaan Persekutuan: Kesannya Terhadap Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negeri Sabah Masakini", (Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pembinaan Nasion Malaysia, Kota Kinabalu 29-30 Ogos 2003), h. 9.

adalah seramai 3,156 orang; pada tahun 1921 bilangan ini meningkat kepada 6,890 orang dan seterusnya kepada 10,454 orang pada tahun 1931. Pada tahun 1960 jumlah keseluruhan penduduk Sabah ialah 206,740 orang dimana terdapat seramai 36,148 orang etnik Kadazandusun yang menganut agama Kristian diikuti oleh etnik Cina 24,352 orang dan etnik Murut seramai 4,598 orang dan jumlah keseluruhan penganut Kristian pada tahun itu seramai 75,247 orang. Manakala pada tahun 1970, etnik Kadazandusun dan Murut yang menganut agama Kristian, masing-masing berjumlah 84,042 dan 14,734 orang.²⁹ Manakala etnik Cina yang menganut Kristian berjumlah 33,469 dan jumlah keseluruhan penganut Kristian pada tahun tersebut ialah 157,422 orang iaitu meningkat dua kali ganda dalam jangkamasa sepuluh tahun.³⁰

Sekiranya diperhatikan perkembangan penganut Islam mengikut tahun, pada awal tahun 1921, penganut Islam berjumlah 31.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Sabah. Pada tahun 1931, jumlah ini meningkat kepada 32.1 peratus. Pada tahun 1951, jumlah penganut Islam mencecah 34.5 peratus. Manakala pada tahun 1960, penganut Islam berjumlah 172,324 orang,³¹ iaitu kira-kira 40 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Sabah. Kebanyakan penganut Islam adalah dari kalangan etnik Bajau dan etnik pribumi lain. Namun sekiranya dilihat dari kalangan kelompok etnik Kadazandusun, Cina dan Murut hanya sebilangan kecil dari mereka yang menganut agama Islam yang masing-masing menunjukkan jumlah seramai 9,880 orang, 520 orang dan 687 orang. Situasi ini tidak jauh bezanya pada tahun 1970 apabila penduduk Sabah berjumlah seramai 651,304 orang dan 260,945 orang daripadanya adalah dari kalangan penganut Islam yang

²⁹ Matzin Mat Kib (2003), *Kristian di Sabah 1881-1994*, Bangi : Penerbit UKM, h. 17-18.

³⁰ Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, h. 63.

³¹ M.H. Baker (1965), *Sabah : The First Ten Years as a Colony 1946-1956*, Singapore: Malaysian Publishing House Ltd, h. 20.

terdiri daripada etnik Bajau (74,960), pribumi lain (90,868) dan warga Indonesia (36,367). Kelompok etnik Kadazandusun, Cina dan Murut masih kekal memperlihatkan kecenderungan mereka untuk menganut agama Kristian berbanding Islam yang masing-masing menunjukkan kadar peningkatan yang kecil seramai 16,890 orang, 1,194 orang dan 1,510 orang.³²

Berdasarkan perangkaan penduduk Sabah tahun 1960 dan 1970, sememangnya jumlah penganut Islam lebih tinggi berbanding penganut Kristian. Namun demikian, kebanyakan penganut Islam datangnya dari kalangan etnik Bajau dan pribumi lain seperti Brunei, Suluk, Bisaya yang mendiami kawasan pantai timur dan pantai barat Sabah dimana kelompok etnik ini sememangnya dikenali sebagai 'Islam asal'. Sebaliknya agama Islam kurang mendapat tempat di kalangan kelompok etnik pribumi Sabah seperti Kadazandusun dan Murut yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah yang kebanyakan mereka ini pada asalnya adalah kelompok yang belum mempunyai sebarang anutan agama (pagan) dan hanya berpegang kepada kepercayaan animisme. Peningkatan jumlah penganut Kristian dari kalangan etnik Kadazandusun dan Murut turut menunjukkan satu peningkatan yang drastik dimana pada tahun 1960 jumlah Kadazandusun yang beragama Kristian adalah seramai 36,148 orang dan sepuluh tahun berikutnya iaitu tahun 1970 jumlah mereka mencecah sehingga 84,042 orang, iaitu hampir dua kali ganda dari jumlah sebelumnya. Sebaliknya, peningkatan jumlah etnik Kadazandusun yang beragama Islam kurang daripada satu kali ganda dimana pada tahun 1960 jumlah mereka seramai 9,880 orang dan hanya meningkat kepada 16,890 orang.

Fakta ini turut menunjukkan bahawa Sabah pada zaman penjajahan British telah menjadi sasaran Krisitianisasi. Kesedaran Kristian yang membara sepanjang zaman itu telah berjaya meletakkan batu tanda sejarahnya di Sabah sejak abad ke-17 lagi. Kejayaan misionari Kristian

³² Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, h. 62.

ini agak unik dan mengkagumkan kerana pertama, mereka berjaya menghadapi cabaran yang sangat sukar di negeri Sabah seperti halangan bentuk mukabumi yang bergunung-ganang serta masalah keragaman budaya suku kaumnya. Kedua, kerana mubaligh Kristian yang datang ke Sabah bukan sahaja terdiri daripada pendeta-pendeta tetapi juga dari kalangan golongan professional.³³

Atas kesungguhan yang ditunjukkan oleh golongan misionari Kristian itu, maka USIA sebagai satu-satunya badan dakwah yang wujud ketika itu, merasa bertanggungjawab untuk menjalankan kegiatan penyebaran agama Islam di kalangan etnik pribumi Sabah seperti yang dilakukan oleh pihak mubaligh Kristian. USIA memperhebatkan gerakan dakwahnya melalui pelancaran kegiatan pengislaman di kalangan masyarakat pribumi Sabah yang belum menganut sebarang agama (pagan) di kawasan pedalaman. Pada peringkat awal USIA menjalankan gerakannya, pendakwah yang dilantik oleh USIA hanya bergerak secara individu atau dalam kelompok kecil. Melalui gerakan seperti ini, USIA berjaya mengislamkan seramai 1,579 orang dalam tempoh beberapa waktu selepas penubuhannya. Kejayaan ini mendorong USIA memperhebatkan kegiatan dakwahnya. Lanjutan itu, bermula gerakan pengislaman secara berkelompok dan besar-besaran yang dikhususkan di beberapa kawasan pedalaman seperti Ranau, Keningau, Tambunan dan Kota Belud dan dilaksanakan dalam jangka waktu yang ditetapkan.

iii. Cabaran Gerakan Kristianisasi

Kegiatan gerakan Kristian yang dibawa bersama dengan kedatangan penjajah Barat telah merumitkan lagi masalah yang dihadapi oleh orang Islam di Sabah. Dasar Kristianisasi penjajah telah mencapai dua kejayaan besar. Pertama, dapat menarik secara beransur-ansur sebahagian penduduk yang belum beragama untuk memeluk agama

³³ *Ibid*, h. 64.

Kristian melalui usaha dan kegiatan Kristianisasi. Kedua, menjauhkan penganut-penganut Islam sedikit demi sedikit daripada ajaran dan nilai-nilai agama Islam terutama sekali apabila dasar dan usaha Kristianisasi diserapkan dalam sistem pendidikan sekular. Keadaan ini telah melemahkan kedudukan Islam dan sebaliknya memperkuat kedudukan agama Kristian di Sabah. Dalam tempoh kira-kira 40 tahun *British Chartered Company* menjajah negeri Sabah, iaitu pada tahun 1921, usaha-usaha Kristianisasi yang dinaunginya telah berjaya menarik 2.7 peratus daripada penduduk negeri itu memeluk agama Kristian. Berdasarkan banci penduduk tahun 1931, penganut Kristian meningkat kepada 3.9 peratus dan pada tahun 1951 bertambah sebanyak kira-kira lima peratus menjadi 8.7 peratus.³⁴ Manakala banci penduduk Sabah pada tahun 1960 menunjukkan peningkatan sehingga 16 peratus dan tahun 1970 mencecah sehingga 24 peratus. Ini bermakna dalam jangkamasa 10 tahun, penganut Kristian meningkat sebanyak 8 peratus. Jika dibandingkan dengan peningkatan penganut Islam tahun 1960 yang berjumlah kira-kira 38 peratus dan tahun 1970 bilangan tersebut meningkat kepada 41 peratus dimana kadar peningkatan hanya pada kadar yang kecil iaitu 3 peratus.³⁵

Pernyataan ini memaparkan sememangnya gerakan Kristianisasi lebih memperlihatkan keberkesanannya berbanding gerakan Islam sehingga kelompok etnik pribumi Sabah lebih tertarik dan berminat memeluk agama Kristian. Rahsia kejayaan gerakan Kristianisasi ini adalah disumbangkan oleh keberkesanan kaedah dan pendekatan yang digunakan. Gerakan Kristianisasi di Sabah bukan hanya disebarikan melalui institusi gereja tetapi juga melalui institusi lain seperti institusi pendidikan dan kebajikan. Penglibatan mubaligh Kristian dalam bidang pendidikan meliputi tiga peringkat iaitu sekolah tadika (prasekolah), sekolah rendah dan sekolah menengah. Antara tahun 1922-1945,

³⁴ M.H.Baker, *Sabah : The First Ten Years as a Colony 1946-1956*, h. 16.

³⁵ Tn. Haji Ag. Sahari, "Peranan USIA Dalam Membina Kepentingan Agama Islam Di Sabah", h.5.

terdapat lima buah tadika didaftarkan di Bandar Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Manakala sekolah rendah mission yang terawal ditubuhkan termasuklah di Kudat (1890), Kota Kinabalu (1903), Beaufort (1910), Tenom (1912), Inanam (1914), Tawau (1917), Papar (1922), Telipok (1927), Menggatal (1930) dan beberapa kawasan lain. Pembinaan sekolah rendah di Sabah dimonopoli oleh badan-badan Kristian seperti Katolik, S.P.G. (Anglikan) dan Basel Mission. Perkembangan sekolah mubaligh ini agak pesat iaitu daripada 27 buah pada tahun 1940 kepada 43 buah pada tahun 1946 dan terus meningkat kepada 121 buah pada tahun 1963. Hal yang sama berlaku pada peringkat sekolah menengah yang dipertanggungjawabkan kepada mubaligh Kristian.³⁶

Keadaan ini jauh berbeza dengan apa yang terdapat pada sistem pendidikan Islam. Dalam bidang pendidikan, orang Islam terpaksa memberikan pendidikan agama kepada anak-anak mereka tanpa bantuan dan kemudahan persekolahan dari pihak penjajah. Pendekatan ini sudah tentu tidak sempurna jika dibandingkan dengan cara yang dijalankan oleh sekolah-sekolah mission Kristian. Sungguhpun cara ini berjaya mengekalkan kelangsungan perkembangan dan keutuhan kedudukan Islam di Sabah pada abad-abad sebelumnya tetapi tidak dapat memenuhi keperluan orang Islam yang pada masa itu tersepit di antara pemodenan dan dasar penjajah yang banyak merugikan mereka. Demikian juga dengan pembinaan masjid yang dibina oleh orang Islam secara bergotong-royong. Disamping itu, sikap penjajah yang tidak bersungguh-sungguh dalam mengendalikan dan menyediakan kemudahan asas di sekolah agama dan sekolah Melayu turut menjejaskan minat ibubapa menghantar anak mereka ke sekolah berkenaan. Sikap dan dasar diskriminasi penjajah ini telah menguatkan kedudukan agama Kristian di Sabah dan sebaliknya melemahkan kedudukan orang Islam yang mundur dalam pelbagai bidang.³⁷

³⁶ Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, hh. 52-54.

³⁷ Muhiddin Yusin, *op.cit.*, hh. 15-17.

iv. Dilema yang dihadapi oleh Masyarakat Islam

Sememangnya umat Islam di Sabah bukan sahaja berdepan dengan masalah pihak penjajah yang tidak memperdulikan hal ehwal dan kebajikan mereka, malah umat Islam turut menghadapi masalah untuk melaksanakan tuntutan beragama. Misalnya, penduduk Islam menghadapi masalah cara menentukan permulaan puasa pada bulan Ramadhan dan tarikh perayaan Hari Raya Aidil Fitri. Situasi ini berlaku pada tahun 1960 dan 1961 di mana orang Islam di Sabah tidak merayakan Hari Raya secara serentak. Satu golongan berhari raya pada 18 Mac dan satu golongan lain berhari raya pada 19 Mac. Berikutan dengan itu timbul polemik dalam akhbar tentang masalah tersebut. Di antara pendapat dan ulasan yang tersiar dalam akhbar menekankan supaya cara penentuan permulaan puasa bulan Ramadhan dan tarikh perayaan Hari Raya Aidil Fitri dibuat mengikut Hadis Nabi iaitu dengan cara rukyah. Pendapat yang lain mempertahankan cara hisab atau hitungan sains kerana cara itu dianggap lebih sesuai di zaman moden. Satu golongan lagi menyarankan agar orang Islam di negeri itu mengikut sahaja pengumuman Radio Sarawak. Golongan yang lain pula menyeru supaya mereka mengikut keputusan yang diambil oleh imam pusat di Kota Kinabalu sementara belum ada badan yang bertanggungjawab dalam hal-hal keagamaan di negeri itu. Pertentangan pendapat seperti ini berlaku kerana terdapat orang Islam di negeri itu yang mempunyai fahaman tentang Islam dan cuba mempertahankan kebenaran Islam dengan melahirkan pendapat dan pandangan mereka di tengah-tengah masyarakat yang tidak mempunyai fahaman yang mendalam tentang Islam.³⁸

Di samping itu, umat Islam juga menghadapi masalah pelaksanaan undang-undang Islam dimana kes-kes yang diputuskan sebelum tahun 1977 yang berkaitan dengan hal-ehwal Islam adalah dibawah bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri dan diadili oleh mahkamah itu. Ini adalah

³⁸ *Ibid*, h. 79.

selaras dengan kehendak seksyen 31-34 Ordinan Pentadbiran Anak Negeri 1937. Ordinan itu dimansuhkan pada tahun 1971 apabila Enakmen Pentadbiran Undang-Undang untuk orang Islam 1971 diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah. Meskipun demikian, tidak ada peruntukan dalam enakmen tersebut tentang penubuhan Mahkamah Syariah. Oleh itu, bidang kuasa Mahkamah Bumiputera dikekalkan di dalam membicarakan kes-kes orang Islam sehingga dibatalkan pada tahun 1977.³⁹ Hal ehwal Islam diserahkan kepada imam dan salah seorang Ketua Anak Negeri. Mahkamah Anak Negeri dibenarkan menjalankan perbicaraan berhubung dengan agama Islam dan adat istiadat. Imam bertugas sebagai penasihat sahaja kepada Pegawai Daerah untuk membuat keputusan sama ada untuk mengesahkan, mengubah atau membatalkan keputusan Mahkamah Anak Negeri. Malangnya Pegawai Daerah yang dilantik bukan beragama Islam dan tidak ada langsung kepakaran dalam undang-undang Islam. Keadaan ini menyebabkan beberapa keputusan Mahkamah Anak Negeri berlawanan dengan hukum syarak. Ini dapat dilihat dalam kes Matusin bin Simbilen lwn Kawang Binti Abdullah, kes no. 4/1953 telah diputuskan bahawa anak angkat juga berhak mendapat harta pusaka dari ayah angkat kerana ketiadaan tafsiran undang-undang Islam di dalam Mahkamah Anak Negeri.⁴⁰

Dengan itu dapat dirumuskan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi USIA untuk menjalankan kegiatan pengislaman beramai-ramai di Sabah pada awal tahun 1970an. Kesemua faktor yang disebutkan di atas iaitu penolakan Islam sebagai agama rasmi, persaingan peningkatan antara bilangan penganut Islam dengan penganut Kristian dari kalangan etnik pribumi Sabah, cabaran gerakan

³⁹ M.B. Hooker (1991), *Undang-Undang Islam di Asia Tenggara* (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 233.

⁴⁰ Jasri Jamal (2003), "Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan: Kesannya Terhadap Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negeri Sabah Masakini", (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pembinaan Nasion Malaysia di Universiti Malaysia Sabah, 29-30 Ogos 2003), h. 12.

Kristianisasi di Sabah dan dilema yang dihadapi oleh orang Islam adalah antara faktor penyumbang ke arah kegiatan pengislaman beramai-ramai yang dijalankan oleh USIA dan dijadikan sebagai alternatif dakwah dalam usaha mengukuhkan kedudukan Islam di Sabah.

Peranan dan Sumbangan USIA dalam Memantapkan Kedudukan Mualaf di Sabah

Sememangnya USIA merupakan penggerak utama dalam kegiatan pengislaman di Sabah. Tanpa adanya kegiatan sedemikian, nescaya misi untuk menjadikan Islam sebagai agama rasmi di Sabah sukar dicapai. Kegiatan ini telah mencatatkan sejarah penting dalam perkembangan agama Islam di Sabah kerana USIA telah memberi sumbangan besar dalam memantapkan kedudukan Islam amnya dan masyarakat mualaf khasnya. Sumbangan tersebut dapat dilihat dari aspek berikut :

i. Penubuhan Majlis Agama Islam Sabah

Penubuhan Majlis Agama Islam Sabah (MAIS) merupakan antara matlamat utama kegiatan pengislaman dijalankan oleh USIA. Cadangan untuk menubuhkan Majlis Agama Islam di Sabah mula diperkatakan oleh orang Islam di negeri itu pada awal tahun 1960an. Cadangan itu timbul kerana perpaduan orang Islam pada masa itu terancam akibat perselisihan sesama sendiri tentang beberapa perkara terutama sekali masalah penentuan tarikh Hari Raya Aidil Fitri dan perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan umat Islam. Oleh sebab perselisihan dalam menentukan tarikh Hari Raya Aidil Fitri begitu serius dan berlanjutan setiap tahun dan segala usaha yang dibuat selama ini gagal menyelesaikannya, timbul keperluan untuk menubuhkan Majlis Agama Islam. Majlis itu diharapkan akan dapat melaksanakan urusan tentang penentuan tarikh berpuasa dan Hari Raya Aidil Fitri di negeri itu pada setiap tahun. Selain itu, majlis itu juga akan dapat menjalankan

segala urusan-urusan lain berhubung dengan masalah keagamaan, termasuk mengendalikan kes-kes mahkamah di kalangan orang Islam.

USIA memandang berat masalah penubuhan sebuah badan untuk mentadbir hal-ehwal orang Islam di Sabah. Berikutan dengan itu, pada tahun 1971, USIA membuat satu resolusi menggesa Kerajaan Negeri menubuhkan Majlis Agama Islam Sabah (MAIS). Resolusi itu disambut baik oleh pemimpin beragama Islam dan dijadikan satu usul dalam Perbahasan Dewan Undangan Negeri pada 21 Julai 1971. Usul tersebut menekankan bahawa penubuhan MAIS diperlukan bukan sahaja untuk membolehkan pentadbiran hal-ehwal orang Islam di Sabah dapat dijalankan dengan baik, malah untuk menyelaraskannya dengan dasar Kerajaan Negeri yang berhasrat hendak memodenkan undang-undang dan perundangan negeri Sabah yang ketinggalan zaman. Usul berkenaan jelas sekali menunjukkan adanya kesedaran pemimpin USIA tentang kelemahan sistem pentadbiran yang diamalkan sejak penjajahan di Sabah terutama pentadbiran hal-ehwal orang Islam.

Tindakan USIA untuk memperjuangkan masalah tersebut amat sesuai dan tepat pada masanya kerana bilangan Ahli Dewan yang beragama Islam sudah mencukupi majoriti dua pertiga hasil daripada dakwah pertubuhan USIA yang berjalan rancak ketika itu. Usul itu telah diterima oleh Dewan tanpa bantahan dan kira-kira dua bulan kemudian iaitu pada 15 September 1971, MAIS telah ditubuhkan. Perasmian penubuhan MAIS dilaksanakan oleh Tun Datu Musatapha sendiri pada 26 April 1972.

ii. Peningkatan bilangan Mualaf di Sabah

Sebelum tertubuhnya USIA, agama Islam hanya dikenali dan dianuti secara meluas oleh sebahagian kelompok etnik Sabah yang tinggal di kawasan pantai atau bandar dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Setelah pertubuhan itu muncul dan menjalankan kegiatannya, Islam telah dapat diperkenalkan kepada kelompok etnik Sabah yang tinggal di kawasan pedalaman dan

sebahagian daripada mereka menerima Islam sebagai anutan agama mereka. Kelompok etnik Kadazandusun merupakan golongan mualaf dari kalangan pribumi Sabah yang paling ramai terlibat dalam gerakan pengislaman yang dijalankan oleh USIA. Menurut Tuan Haji Awang Sahari, Pengerusi USIA, dianggarkan hampir 80% daripada mereka yang terlibat dalam kegiatan pengislaman ini datang dari kalangan etnik Kadazandusun. Pada mulanya mereka ini belum lagi menganut sebarang agama. Namun setelah gerakan pengislaman USIA dilancarkan, ramai dari kalangan etnik ini yang memeluk agama Islam.

Perkembangan mualaf masakini di Sabah dapat dilihat dalam jadual 2 dimana jadual ini menunjukkan bilangan saudara baru yang berdaftar sejak dari tahun 1970-2003 seperti yang dikeluarkan oleh Bahagian Dakwah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS). Pada keseluruhannya dalam jangkamasa 33 tahun, bilangan saudara baru yang berdaftar secara rasmi dengan JHEAINS berjumlah kira-kira 78,234 orang. Bagaimanapun menurut Yayasan Islam Mualaf Sabah, jumlah sebenar bilangan saudara baru termasuk yang tidak berdaftar sejak dari tahun 1970an sehingga kini berjumlah kira-kira 270,000 orang. Berdasarkan jadual tersebut, dalam jangka masa 5 tahun pertama iaitu tahun 1970-1975 bilangan saudara baru berjumlah kira-kira 26,471 orang. Jumlah ini berbeza dengan daftar yang dikeluarkan oleh USIA yang berjumlah kira-kira 50,000 orang. Perbezaan bilangan tersebut disebabkan kerana tidak semua saudara baru yang terlibat dalam gerakan pengislaman itu mendaftar secara rasmi kepada badan dakwah USIA ketika itu. Selepas tahun 1975, tugas pengislaman telah dipertanggungjawabkan kepada Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) yang turut menyumbang ke arah peningkatan bilangan mualaf di Sabah.

Pada tahun 1979, kadar bilangan saudara baru menyusut sehingga kepada 1807 orang. Penyusutan tersebut disebabkan oleh kekalahan parti USNO dan USIA yang bertanggungjawab mengendalikan gerakan pengislaman tidak seaktif dahulu kerana kekurangan sumber kewangan dan isu pengislaman yang dijadikan agenda politik sehingga menimbulkan reaksi negatif dari kalangan masyarakat Sabah. Namun demikian,

peralihan tampuk pemerintahan Sabah dibawah parti BERJAYA (1976-1984) mengembalikan semula semangat kegiatan pengislaman. Misalnya, pada tahun 1980, bilangan saudara baru meningkat dengan jumlah sebanyak 9142 orang dan seterusnya mengalami kadar peningkatan yang berubah-ubah. Kekalahan BERJAYA ditangan PBS (Parti Bersatu Sabah) yang memerintah selama 9 tahun (1985-1994) sedikit sebanyak mempengaruhi kadar bilangan saudara baru. Hal ini dapat diperhatikan pada tahun 1986 iaitu di awal pemerintahan PBS, bilangan saudara baru mengalami kadar penyusutan yang paling rendah iaitu berjumlah kira-kira 509 orang. Perkembangan terkini iaitu setelah Sabah dibawah pemerintahan parti UMNO memperlihatkan kadar bilangan saudara baru yang berterusan walaupun kadang kala mengalami sedikit penyusutan.

Berdasarkan data yang dikumpulkan dari pihak JHEAINS, sebahagian besar kemasukan saudara baru kepada Islam adalah atas dasar perkahwinan. Ini menunjukkan bahawa peranan dakwah secara langsung tidak berlaku secara serius. Tidak seperti pada zaman kebangkitan USIA yang mana menurut Pengerusi USIA, iaitu Datuk Haji Ag. Sahari Abd Latif setiap lapisan masyarakat termasuk ADUN-ADUN dan pegawai kerajaan memainkan peranan yang aktif dalam menyebarkan dakwah Islam. Mereka pergi ke segenap kampung dan kediaman untuk menjalankan urusan dakwah kepada masyarakat bukan Islam. Ini mungkin kerana umat Islam pada masa itu merasa tercabar dengan gerakan Kristianisasi yang berleluasa atas kelonggaran Perlembagaan Sabah yang menyatakan "*Islam Bukan Agama Rasmi*" dalam syarat 20 perkara kemasukan Sabah ke dalam Malaysia.⁴¹

⁴¹ Mohamad Zamri Ali (2004), *Peranan JHEAINS dalam Pentarbiyahan Mualaf di Sabah: Kajian Kes di Kota Kinabalu*, h. 16.

Jadual 2
Daftar Pengislaman bagi Tahun 1970-2003

Tahun	Jumlah Saudara Baru
1970-1975	26,471
1976-1978	7527
1979	1807
1980	9142
1981	1272
1982	2895
1983	5761
1984	1816
1985	995
1986	509
1987	1085
1988	1207
1989	936
1990	660
1991	838
1992	1294
1993	1222
1994	1333
1995	1010
1996	1009
1997	1379
1998	1190
1999	1035
2000	1316
2001	1476
2002	1335
2003	1714
Jumlah	78,234

Jadual 3 : Daftar Pengislaman Mengikut Kaum Dan Daerah Dari Tahun 1996-1999

Bahagian/ Zon	Tahun SukuKaum	1996	1997	1998	1999	1996	1997	1998	1999	1996	1997	1998	1999	1996	1997	1998	1999	1996	1997	1998	1999	Jumlah Daerah
		Kadazandusun				Sungai				Rungus				Murut								
IbuPejabat	Ibu Pejabat	95	43	77	82	1	0	0	0	4	5	9	10	5	7	15	12	34	14	28	20	461
Pantai Barat Selatan	Kota Kinabalu	65	132	140	0	0	0	1	0	8	9	15	0	8	10	19	0	22	52	21	0	502
	Tuaran	40	59	54	48	1	0	0	0	2	1	2	3	1	2	1	2	8	3	6	2	235
	Papar	23	28	26	14	0	0	0	0	0	0	0	1	2	2	1	0	3	6	3	2	111
	Penampang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pantai Barat Utara	Ranau	62	43	40	48	0	1	0	0	1	2	0	0	2	3	0	0	2	4	3	1	212
	Kota Belud	32	27	34	29	0	0	0	0	0	3	0	2	0	5	2	0	3	1	3	6	147
	Kota Marudu	33	29	30	22	0	0	0	0	2	6	5	3	2	1	0	0	1	5	2	1	142
	Pitas	0	3	3	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	1	0	0	9
	Matunggong	0	2	1	0	0	0	0	0	0	10	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	15
Pedalaman Bawah	Kudat	9	7	1	5	1	1	0	0	9	10	4	17	2	1	1	2	4	5	1	0	80
	Bangi	0	4	0	16	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	21
	Membakut	5	4	5	7	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	1	1	0	26
	Beaufort	8	17	15	0	0	0	0	0	1	4	1	0	0	3	7	0	1	3	9	0	69
	Kuala Penyu	6	6	5	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	0	0	2	0	21
Pedalaman Atas	Sipitang	8	4	9	3	0	0	0	0	0	0	1	0	7	7	7	5	2	0	1	2	56
	Tambunan	11	18	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	1	0	39
	Keningau	85	86	48	35	0	0	0	0	1	1	0	0	40	28	26	22	4	5	7	0	388
	Tenom	3	6	3	0	0	0	0	0	1	0	0	0	9	19	12	0	0	3	0	4	60
Sandakan	Sook	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Nabawan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Sandakan	37	37	40	40	6	11	4	5	0	0	2	2	3	3	3	5	29	30	29	34	320
	Telupid	4	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	6
Tawau	Kinabatangan	0	4	5	2	4	10	7	5	0	0	0	0	0	1	0	0	3	2	3	0	46
	Lahad Datu	0	3	26	19	0	0	0	0	0	0	1	1	0	0	1	4	0	5	7	12	79
	Tawau	32	53	19	19	1	1	0	0	1	3	1	0	5	9	4	3	43	36	26	34	290
	Semporna	0	7	5	7	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	6	4	5	35
Jumlah Keseluruhan Etnik	Kunak	0	0	4	5	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2	2	1	15
		558	623	599	401	14	24	13	10	30	55	44	41	86	102	101	58	159	184	159	124	3385

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

*Sejarah Perkembangan Mualaf Di Sabah:
Peranan Dan Sumbangan Usia (United Sabah Islamic Association)*

Daftar Pengislaman Mengikut Kaum Dan Daerah Dari Tahun 1996-1999

Bahagian/ Zon	Tahun SukuKaum	1996 1997 1998 1999			1996 1997 1998 1999			1996 1997 1998 1999			1996 1997 1998 1999			Jumlah Daerah				
		India			Iban			Warga Filipina			Warga Indonesia				Bangsa Lain			
Ibupejabat	Ibu Pejabat	5	1	6	4	2	3	2	7	20	67	13	1	4	25	2	6	172
Pantai Barat Selatan	Kota Kinabalu	2	3	4	0	4	5	7	0	5	86	19	1	0	38	10	6	195
	Tuaran	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	6
	Papar	0	0	0	0	1	3	0	0	0	0	2	0	0	0	2	0	9
	Penampang	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pantai Barat Utara	Ranau	0	0	0	0	0	0	2	1	0	1	3	0	0	2	0	0	9
	Kota Belud	0	0	0	1	1	0	0	1	0	0	1	1	0	0	0	0	6
	Kota Marudu	0	0	0	0	2	1	0	0	0	4	1	0	0	2	1	0	11
	Pitas	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1
	Matunggong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Pedalaman Bawah	Kudat	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	3
	Bangi	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Membakut	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
	Beaufort	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2
	Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
Pedalaman Atas	Sipitang	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	2	0	0	0	3	0	6
	Tambunan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1
	Keningau	2	1	0	0	1	1	4	0	15	9	2	0	7	2	8	0	53
Sandakan	Tenom	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	4	0	0	0	0	0	5
	Sandakan	1	3	0	0	9	4	7	12	0	0	23	2	0	0	10	0	72
	Telupid	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
	Kinabatangan	0	0	0	0	1	0	1	0	0	1	5	0	0	3	2	0	13
Tawau	Lahad Datu	0	0	2	2	0	2	2	4	0	0	21	0	0	0	3	1	37
	Tawau	3	4	1	2	22	4	10	4	23	40	45	2	25	31	14	1	247
	Semporna	0	0	0	0	0	1	0	2	0	10	7	0	0	2	1	0	23
	Kunak	0	0	0	2	0	0	2	4	0	4	7	0	0	2	3	1	25
Jumlah Keseluruhan Etnik		15	15	13	11	44	26	37	35	63	222	158	7	36	108	62	16	900

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Jadual 4 : Daftar Pengislaman Mengikut Etnik Dan Daerah Dari Tahun 2000-2003

Bahagian/ Zon	Tahun Suku Kaum	Kadazandusun					Sungai					Rungus					Murut					Cina					Jumlah Daerah
		2000	2001	2002	2003	2003	2000	2001	2002	2003	2003	2000	2001	2002	2003	2003	2000	2001	2002	2003	2003	2000	2001	2002	2003	2003	
Ibu Pejabat	Ibu Pejabat	132	219	243	269		0	0	3	1		5	28	15	28		7	21	29	30		33	39	48	45		1195
Pantai Barat Selatan	Kota Kinabalu	102	68	9	61		0	0	0	0		10	6	3	3		15	7	2	7		49	19	0	15		376
	Tuaran	39	67	23	62		0	0	0	1		5	5	1	1		1	0	0	3		5	5	1	6		225
	Papar	21	26	22	47		0	1	1	0		0	0	0	6		3	1	1	1		2	2	5	3		142
	Penampang	0	5	3	9		0	0	0	0		1	0	1	1		0	0	0	1		0	1	1	0		23
Pantai Barat Utara	Ranau	50	65	55	84		4	3	7	0		2	1	2	1		1	1	1	0		4	2	4	4		291
	Kota Belud	38	51	14	43		0	0	0	0		3	1	5	1		1	0	1	2		7	5	1	5		178
	Kota Marudu	0	0	21	0		0	0	0	0		0	0	1	0		0	0	0	0		0	0	1	0		23
	Pitas	5	0	11	14		0	0	1	5		2	0	2	4		0	0	0	0		2	0	2	0		48
	Matunggong	2	0	2	1		0	0	0	0		5	9	0	20		0	0	0	0		0	0	0	1		40
	Kudat	3	8	15	6		0	0	0	0		10	15	18	24		2	0	1	1		4	0	4	7		118
Pedalaman Bawah	Bangi	0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	0	0		0
	Membakut	14	5	4	12		0	0	0	0		1	0	0	2		1	0	0	2		0	1	0	1		43
	Beaufort	40	43	54	58		1	0	0	0		1	1	4	3		13	6	24	22		9	5	4	9		297
	Kuala Penyu	10	4	0	11		0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	0	1		0	0	0	1		27
	Sipitang	1	6	3	7		0	0	0	0		1	1	0	0		13	6	1	17		1	1	0	2		60
	Tambunan	10	14	5	13		0	0	0	0		0	0	1	0		1	1	0	1		1	1	0	0		48
Pedalaman Atas	Keningau	84	89	74	75		0	0	0	0		1	0	1	1		31	67	40	20		7	7	1	8		506
	Tenom	5	16	3	3		0	0	0	0		0	1	1	0		15	13	12	8		1	1	1	0		80
	Sook	18	14	5	5		0	0	0	0		0	0	0	0		4	1	3	1		0	1	1	0		53
	Nabawan	1	0	0	0		0	0	0	0		0	0	0	0		17	27	20	33		0	0	0	0		98
Sandakan	Sandakan	49	51	21	28		16	10	4	11		2	0	1	0		0	2	0	0		50	21	13	42		321
	Beluran	0	0	3	7		0	0	19	41		0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	2	0		72
	Tetupid	0	0	9	6		0	0	1	2		0	0	0	0		0	0	0	1		0	0	2	1		22
	Kinabatangan	0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	0	0		0
Tawau	Lahad Datu	20	24	30	34		0	0	0	0		1	1	0	0		1	7	2	3		14	9	8	18		172
	Tawau	17	19	19	24		3	1	0	0		0	1	0	4		6	10	7	7		22	29	35	32		236
	Semporna	0	0	12	0		0	0	0	0		0	0	0	0		0	0	1	0		0	0	11	0		24
	Kunak	5	6	7	1		0	0	0	0		0	0	0	1		0	2	0	0		4	5	3	1		35
Jumlah Keseluruhan Etnik		666	800	667	880		24	15	36	61		50	70	56	100		132	172	145	161		215	154	148	201		4753

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

*Sejarah Perkembangan Muafid Di Sabah:
Peranan Dan Sumbangan Usia (United Sabah Islamic Association)*

Daftar Pengislaman Mengikut Etnik Dan Daerah Dari Tahun 2000-2003

Bahagian/ Zon	Tahun SukuKaum	2000					2001					2002					2003					Jumlah Daerah	
		Ibu Pejabat	India	Iban	Warga Filipina	Warga Indonesia	2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003	2000	2001	2002	2003					
Pantai Barat Selatan	Ibu Pejabat	8	6	4	1	1	13	7	7	7	7	10	29	36	1	6	12	12	3	19	12	7	201
	Kota Kinabalu	2	0	0	0	4	3	1	1	1	9	5	4	8	2	1	0	2	15	5	0	1	63
	Tuaran	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1	0	1	0	2	0	0	0	0	0	6
	Papar	0	2	1	0	0	2	1	0	0	2	4	6	1	2	0	0	2	3	0	1	4	31
	Penampang	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	1	0	0	1	2	0	0	2	0	9
Pantai Barat Utara	Ranau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	1	1	2	9
	Kota Belud	0	2	0	0	1	0	1	1	1	1	3	2	0	0	0	0	0	0	1	0	0	12
	Kota Marudu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
	Pitas	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1	3
	Marunggong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	1	3
Pedalaman Bawah	Kudat	0	1	0	0	0	2	0	0	0	0	1	0	0	1	0	0	2	0	0	0	4	11
	Bangi	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	4	4
	Membakut	0	0	0	0	0	1	0	1	4	0	0	0	1	1	0	2	0	0	0	0	0	10
	Beaufort	0	0	3	0	3	0	3	1	1	1	1	6	1	1	0	6	1	0	0	0	0	27
	Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pedalaman Atas	Sipitang	1	0	0	0	0	0	0	0	0	2	1	0	1	0	2	0	2	1	0	0	0	10
	Tambunan	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	0	0	1	4
	Keningau	0	0	0	0	0	0	0	2	3	5	5	3	2	2	1	3	3	14	6	15	0	61
	Tenom	1	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	2	1	0	0	0	2	0	8
	Sook	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1	1	5
Sandakan	Nabawan	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	1	0	4
	Sandakan	2	2	0	1	5	4	1	5	12	8	9	8	9	3	3	6	6	9	20	0	23	130
	Beluran	0	0	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	6
	Telupid	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	1	3
	Kinabatangan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Tawau	Lahad Datu	0	2	0	0	4	6	4	7	8	21	13	12	12	6	7	12	17	5	18	0	21	163
	Tawau	1	1	3	2	4	8	11	13	20	20	26	11	16	15	27	16	16	7	7	3	29	240
	Semporna	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	10	0	0	0	1	0	0	0	0	1	0	14
	Kunak	0	0	0	0	2	0	2	2	4	5	11	5	6	6	3	3	3	0	0	1	0	50
	Jumlah Keseluruhan Etnik	17	17	11	5	26	39	34	43	73	88	125	90	49	44	71	73	64	77	42	100	1088	

Sumber : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Jadual 3 menunjukkan daftar pengislaman mengikut etnik dan daerah dari tahun 1996-1999. Berdasarkan jadual tersebut daerah Kota Kinabalu mencatatkan bilangan pengislaman yang tertinggi diikuti dengan ibupejabat JHEAINS, Keningau, Sandakan, Tawau, Tuaran dan Ranau. Dalam jangkamasa empat tahun, daerah Kota Kinabalu mencatatkan seramai 502 orang mualaf memeluk Islam, Ibu pejabat JHEAINS seramai 461 orang, Keningau 388 orang, Sandakan 320 orang, Tawau 290 orang, Tuaran 235 orang dan Ranau 212 orang. Daerah Keningau menunjukkan daerah yang tertinggi di kawasan pedalaman yang ramai memeluk agama Islam. Manakala etnik Kadazandusun merupakan etnik mualaf yang tertinggi memeluk agama Islam iaitu seramai 2181 orang dalam tempoh empat tahun. Diikuti dengan masyarakat Cina mualaf seramai 625 orang, warga Filipina 450 orang, 347 orang dan warga Indonesia seramai 222 orang memeluk agama Islam dalam tempoh tersebut.

Apabila diperhatikan dalam tempoh empat tahun berikutnya iaitu dari tahun 2000-2003 seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4, perkembangan mualaf memperlihatkan peningkatan berbanding empat tahun sebelumnya. Ibu pejabat JHEAINS menunjukkan kawasan yang tertinggi orang memeluk Islam iaitu seramai 1195 orang, diikuti oleh daerah Keningau seramai 506 orang, Kota Kinabalu seramai 376 orang, Sandakan 321 orang, Beaufort 297 orang dan Ranau 291 orang. Daerah Keningau masih kekal sebagai daerah di kawasan pedalaman yang mencatatkan jumlah mualaf tertinggi. Kelompok etnik Kadazandusun tetap menunjukkan etnik tertinggi yang memeluk agama Islam dengan peningkatan seramai 3013 orang. Diikuti dengan masyarakat Cina seramai 718 orang, etnik Murut seramai 610 orang, warga Filipina 376 orang, bangsa-bangsa lain (warga asing) 283 orang dan Rungus seramai 276 orang.

iii. Pembinaan sekolah-sekolah agama

Sejak zaman penjajah sehingga USIA ditubuhkan, orang Islam di Sabah tidak mempunyai kemudahan yang cukup dalam kedua-dua bidang pendidikan dan kemudahan tempat ibadah. Pada tahun 1950an hingga awal tahun 1960an, hanya terdapat kurang daripada sepuluh (10) buah sekolah agama di seluruh Sabah. Antaranya ialah Madrasah Tahzibiah di Putatan, Madrasah Tuddiniyah di Kampung Buang Sayang, Papar; Madrasah Ma'adul Islam di Sembulan, Kota Kinabalu; Sekolah Agama Islam di Pimping, Membakut dan Sekolah Agama Islam di Tawau. Semua perbelanjaan berhubung dengan pengurusan, pembinaan dan pentadbiran sekolah termasuk gaji guru adalah dibiayai oleh masyarakat Islam atau persatuan Islam tempatan mengikut kemampuan masing-masing.⁴²

Kebanyakan masyarakat pribumi Sabah yang tinggal di kawasan pedalaman tidak dapat mempelajari agama Islam kerana kurangnya bimbingan dari rakan seagama dan ketiadaan sekolah-sekolah agama. Walaupun tidak dinafikan sememangnya terdapat beberapa buah kampung di daerah Ranau yang dikunjungi oleh beberapa orang guru agama dari Menggatal di daerah Tuaran dan Kota Belud pada penghujung tahun 1940an hingga tahun 1950an, namun proses pendidikan itu amat terbatas dan tidak tersebar luas kepada semua penduduk kampung berkenaan. Di samping itu tempoh pengajaran yang diberikan oleh guru-guru agama tadi hanya dalam jangkamasa yang pendek dan keadaan ini sudah tentu tidak memberi kesan mendalam ke arah kefahaman Islam sebenar. Tambahan lagi tumpuan guru-guru agama tersebut hanya melibatkan kampung tertentu seperti Kampung Ratau, Kampung Tagudon Lama, Kampung Kamburongoh dan Pekan Ranau.

Kemunculan USIA sebagai sebuah pertubuhan yang berusaha mengadakan sekolah-sekolah agama di seluruh Sabah sudah tentu

⁴² Muhiddin Yusin, *op.cit.* h. 71.

menggembirakan mereka. Kegembiraan itu dapat digambarkan melalui sikap dan sambutan positif terhadap sekolah-sekolah agama yang didirikan menjelang USIA ditubuhkan. Sebagai contoh dapat dilihat ketika Sekolah Agama Islam Pekan Ranau dibuka pada 24 April 1969 dan merupakan sekolah pertama di daerah Ranau. Sambutan masyarakat sekeliling terhadap sekolah tersebut amat menggalakkan. Murid-murid yang datang belajar bukan sahaja terdiri daripada kanak-kanak kecil tetapi juga golongan remaja dan orang dewasa. Di samping itu, beberapa sekolah ugama Islam Sabah (SUIS) lain yang dibina di Ranau ialah SUIS Kundasang tahun 1974, SUIS Lohan tahun 1972 dan SUIS Libang tahun 1987.⁴³

Dengan sambutan baik yang diberikan terhadap pembinaan sekolah agama, USIA kemudiannya membina sekolah-sekolah agama yang lain di beberapa buah kampung seperti Kampung Lohan, Kampung Tagudon Lama dan Kampung Kundasang. Sambutan penduduk kampung tidak hanya dapat dilihat melalui pendaftaran anak-anak mereka ke sekolah agama berkenaan tetapi juga penerimaan mereka terhadap guru-guru agama yang dihantar oleh Majlis Agama Islam Sabah (MAIS) yang bermula sejak tahun 1973. Seiring dengan pengislaman yang dijalankan oleh USIA dan MAIS, sehingga tahun 1975 terdapat 62 buah sekolah agama dengan 6,027 orang murid. Jadual 5 menunjukkan bilangan pelajar SUIS yang mendaftar dari tahun 1978 hingga 1987.⁴⁴ Dalam jangka masa sepuluh tahun terdapat seramai 138,502 pelajar yang mendaftar di sekolah ugama Islam Sabah. Jadual 6 menunjukkan bilangan SUIS dan SMU (Sekolah Menengah Ugama) tahun 1985 dan 1987.

⁴³ *Ibid*, h. 47.

⁴⁴ Saif@Saifuddin Haji Daud (1993), *Masa Depan dan Matlamat Sekolah-Sekolah Agama Islam Sabah*, dalam Ismail Abdul Rahman (peny.), *Pendidikan Islam di Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM, h. 64.

Jadual 5
Perkembangan jumlah pelajar SUIS tahun 1978-1987⁴⁵

Tahun	Jumlah Pelajar
1978	17,741
1979	18,666
1980	14,549
1981	12,366
1982	13,438
1983	12,190
1984	11,678
1985	12,103
1986	12,577
1987	13,194
Jumlah keseluruhan	138,502

Jadual 6
Perkembangan jumlah pelajar SUIS tahun 1978-1987⁴⁶

Tahun	Sekolah	Jumlah Sekolah
1985	SUIS	97 buah
	SMU	3 buah
	Tadika	16 buah
	Kelas dewasa	89 buah
1987	SUIS	103 buah
	SMU	3 buah

iv. Pertambahan Jumlah Masjid dan Surau

Peningkatan jumlah masjid dan surau di Sabah hasil daripada kegiatan pengislaman yang dijalankan oleh USIA menunjukkan kesan positif yang dapat dinikmati oleh masyarakat Islam asal dan mualaf (saudara baru) di seluruh kawasan negeri Sabah.

⁴⁵ *Ibid*, h. 67.

⁴⁶ Ismail Abdul Rahman (1993), *Permasalahan Pengajaran, Pembelajaran dan Masa Depan Pengajian Usuluddin dalam Konteks Perkembangan Islam di Sabah dan Sarawak*, dalam Ismail Abdul Rahman (peny.), *Pendidikan Islam Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM, h. 141.

Jadual 7
Bilangan Masjid di Sabah Tahun 2004

Bahagian	Daerah	Bil. Masjid	Jumlah
Pantai Barat Utara	Kota Belud	46	89
	Kudat	11	
	Ranau	9	
	Kota Marudu	5	
	Pitas	3	
	Banggi	2	
	Matunggong	13	
Pantai Barat Selatan	Papar	13	46
	Tuaran	12	
	Kota Kinabalu	18	
	Penampang	3	
Pedalaman Bawah	Beaufort	32	63
	Kuala Penyu	8	
	Sipitang	9	
	Menumbuk	8	
	Membakut	6	
Pedalaman Atas	Tenom	14	41
	Tambunan	4	
	Nabawan	1	
	Keningau	20	
	Sook	2	
Sandakan	Sandakan	65	128
	Beluran	47	
	Kinabatangan	15	
	Telupid	1	
Tawau	Tawau	45	185
	Kunak	20	
	Semporna	75	
	Lahad Datu	45	
Jumlah Keseluruhan Masjid			552

Sumber : Laporan Bahagian Pengurusan Masjid dan Kariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Jadual 7 menunjukkan bilangan masjid di seluruh Sabah mengikut daerah. Sehingga tahun 2004 terdapat sebanyak 552 buah masjid di seluruh Sabah dan bilangan masjid yang tertinggi terdapat di bahagian Tawau.

v. Perkampungan baru Islam Dapat Diwujudkan

Perkampungan baru Islam yang dibentuk oleh masyarakat mualaf adalah bermula dari penerimaan Islam oleh beberapa kelompok keluarga Dusun Islam di beberapa kawasan pedalaman di Sabah seperti Kota Belud, Tambunan, Ranau dan beberapa kawasan lain. Sebagai contohnya, perkampungan baru Islam yang dibentuk oleh kelompok mualaf Dusun di daerah Ranau. Antara kampung tersebut ialah Kg. Lohan yang mula dibentuk sebagai perkampungan orang Islam pada tahun 1960an dimana kampung ini mula menempatkan 230 keluarga yang berhijrah dari kampung-kampung di sekitarnya seperti Kg. Ratau, Randagong, Mompot, Sosondoton, Maukab, Torolobou dan beberapa kampung lain. Kebanyakan mereka ini telah memeluk Islam hasil daripada gerakan pengislaman yang dilancarkan oleh USIA dan kemudiannya mereka ini ditempatkan di sebuah perkampungan baru yang dihuni oleh ramai orang Islam. Pada tahun 1966, kampung ini mempunyai kira-kira 348 buah keluarga dan kini meningkat sehingga 2,000 keluarga.⁴⁷

Di samping itu, Kg. Ratau yang pada mulanya dihuni oleh kelompok masyarakat mualaf telah diiktiraf sebagai sebuah kampung yang menjadi pusat perkembangan Islam bagi seluruh daerah Ranau dan Tambunan pada tahun 1940-1950an. Beberapa kampung lain di daerah Ranau yang kini berkembang menjadi perkampungan Islam ialah Kg. Sosondoton, Tagudon lama, Karanaan, Komburongoh, Tudan, Torolobou, Imbaan dan beberapa kampung lain. Selain itu, bagi daerah Tambunan,

⁴⁷ Saifuddin Hj. Daud (1998), "Islam di Ranau: Sejarah dan Sumbangannya, (Kertas kerja Seminar Mualaf Sabah, Anjuran Pertubuhan Mualaf Sabah, Kota Kinabalu, 22 November 1988), h. 7.

perkampung Islam yang dibentuk oleh orang Dusun muafal antaranya ialah Kumawanan, Garas, Libang, Tungou, Madsangoh dan beberapa kampung lain.

Kesimpulan

Gerakan pengislaman yang dilancarkan oleh USIA merupakan platform utama dalam penyebaran agama Islam kepada kelompok etnik pribumi Sabah yang masih belum mempunyai sebarang pegangan agama. Usaha ini dijalankan atas kesedaran yang timbul di kalangan pemimpin dan masyarakat Islam untuk mengatasi masalah agama Islam yang dihadapi di Sabah termasuklah penolakan agama Islam sebagai agama rasmi di Sabah, persaingan peningkatan antara penganut Islam dan penganut Kristian dari kalangan etnik pribumi Sabah dan kesukaran dalam melaksanakan undang-undang syariah dan tuntutan beragama. Atas dasar tersebut, kegiatan pengislaman dijadikan alternatif dakwah sebagai satu usaha untuk mengatasi masalah perkembangan Islam di Sabah. Kesannya, USIA bukan sahaja berjaya mengislamkan sejumlah besar penduduk Sabah, malah usaha pertubuhan tersebut turut membuahkan hasil apabila Majlis Agama Islam Sabah (MAIS) dapat ditubuhkan dan agama Islam diiktiraf sebagai agama rasmi di Sabah. Bertitik tolak dengan kejayaan awal USIA dalam memartabatkan kedudukan Islam, masyarakat muafal yang tinggal di kawasan pedalaman Sabah turut sama dapat mengecapi prasarana seperti masjid, surau, sekolah-sekolah agama dan beberapa kemudahan lain yang membolehkan mereka menjalankan tuntutan agama dan mengaplikasikan sistem undang-undang Islam. Justeru, kegiatan pengislaman yang dilancarkan oleh USIA pada tahun 1970an telah dilanjutkan oleh MAIS (yang kini dikenali sebagai JHEAINS) telah memberi sumbangan besar terhadap sejarah perkembangan Islam di Sabah khasnya dan di Malaysia amnya. Ini kerana tanpa adanya kegiatan seperti ini, nescaya agama Islam tidak dapat disebarkan secara meluas kepada kelompok pribumi Sabah yang masih pagan dan kesempatan ini lazimnya akan digunakan oleh mubaligh Kristian untuk memperkenalkan agama mereka kepada masyarakat ini.